



**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**

**SEJARAH**

**Kertas 1**

**1249/1**

**Tingkatan 5**

**SEPT 2024**

**1 jam**

**Satu jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **40 soalan**.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukarkan jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

---

Kertas soalan ini mengandungi **15** halaman bercetak

**[Lihat halaman sebelah**

1 Maklumat berikut berkaitan kerajaan Srivijaya.

Air yang dituang ke atas Inskripsi Telaga Batu ditadah dan diminum oleh rakyat

Apakah tujuan amalan tersebut diadakan ?

- A Membuktikan kekuatan
- B Menunjukkan kesetiaan
- C Mendapatkan kepercayaan
- D Mengukuhkan pegangan agama

2 Maklumat berikut berkaitan wilayah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka.

- Rokan
- Kampar
- Inderagiri

Kerajaan Melayu Melaka memperoleh kawasan tersebut melalui

- A penaklukan
- B perkahwinan
- C perdagangan
- D pengislaman

3 Peristiwa berikut berlaku di Eropah pada abad ke-17 dan 18.

- Revolusi Keagungan (1688)
- Revolusi Perancis (1789)

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut ?

- A Kebebasan bergerak disekat
- B Pentadbiran komunis bermula
- C Ekonomi kawalan dilaksanakan
- D Sistem raja berkuasa mutlak berakhir

[Lihat halaman sebelah

- 4 Maklumat berikut merujuk pertubuhan yang diasaskan oleh Jose Rizal pada tahun 1892.

Liga Filipina

Mengapakah pertubuhan tersebut diasaskan?

- I Menuntut persamaan hak
  - II Memajukan sistem pendidikan
  - III Mendapatkan kebebasan bersuara
  - IV Mendesak perubahan dilaksanakan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 5 Deklarasi berikut diisytiharkan selepas tamatnya Perang Dunia Pertama.

Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson

Apakah yang disarankan dalam deklarasi tersebut ?

- A Kuasa mutlak raja dikurangkan
  - B Saiz angkatan tentera dihadkan
  - C Sempadan negara berasaskan bangsa
  - D Kerajaan bercorak republik dilaksanakan
- 6 Pernyataan berikut menerangkan kesan Perang Dunia Kedua.

Perang di Eropah dan di Asia Pasifik telah mengorbankan hampir 75 juta nyawa dan membawa kemusnahan harta benda.

Apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa tersebut ?

- A Menghargai nikmat keamanan
- B Kesepakatan membawa berkat
- C Kekuatan tentera harus diutamakan
- D Pemimpin berwibawa asas kejayaan

[Lihat halaman sebelah

- 7 Jadual berikut merujuk pentadbiranyang dijalankan di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

<b>Tarikh</b>	<b>Peristiwa</b>
12 September 1945	Pelaksanaan Pentadbiran British Military Administration (BMA)

Mengapakah pentadbiran tersebut dilaksanakan ?

- A Memulihkan kepercayaan penduduk
  - B Menyusun semula struktur masyarakat
  - C Merapatkan jurang ekonomi antara kaum
  - D Meningkatkan pemilikan saham bumiputera
- 8 Tokoh berikut memainkan peranan penting di negara kita selepas Perang Dunia Kedua.



Datin Puteh Mariah



Halimahton Abd Majid

Apakah peranan mereka ?

- A Menubuhkan Home Guard
  - B Mengetuai gerakan anti Jepun
  - C Menganjurkan Kongres Melayu
  - D Membantah pelaksanaan Malayan Union
- 9 Pada bulan Julai 1947, PUTERA-AMCJA telah mengemukakan Perlembagaan Rakyat.

Antara berikut, yang manakah terkandung dalam perlembagaan tersebut?

- A Raja-raja Melayu berkuasa mutlak
- B Bahasa Inggeris menjadi bahasa kebangsaan
- C Kewarganegaraan Malaya dinamakan Melayu
- D Agama Islam di bawah Pesuruh Jaya Tinggi British

[Lihat halaman sebelah

10 Ahli Parlimen British berikut telah dihantar ke negara kita selepas Perang Dunia Kedua.

- L.D.Gammans
- Rees Williams

Apakah tujuan kedatangan mereka ?

- A Menggubal perlembagaan merdeka
- B Menguatkuasakan perintah berkurung
- C Menjalankan British Military Administration
- D Menyaksikan bantahan terhadap Malayan Union

11 Maklumat berikut berkaitan perkembangan yang berlaku di negara kita pada tahun 1940-an.

Pada 16 Jun 1948, tiga orang pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak dibunuh.

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut ?

- A Kesatuan sekerja dibubarkan
- B Kemasukkan imigran Cina disekat
- C Undang-undang Darurat diisytiharkan
- D British Military Administration dilaksanakan

12 Pilih pasangan yang tepat tentang peranan Pasukan Keselamatan yang ditubuhkan untuk menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.

	<b>Pasukan</b>	<b>Tugas</b>
A	Home Guard	Melindungi pekerja lombong bijih timah
B	Sarawak Ranjers	Menjejak persembunyian komunis dalam hutan
C	Senoi Praaq	Mempertahankan bandar dan kampung
D	Special Constables	Membuat rondaan di pinggir hutan

[Lihat halaman sebelah

- 13 Jadual berikut berkaitan dengan Sistem Ahli yang dilaksanakan di Tanah Melayu selepas tahun 1950-an.

<b>Tokoh</b>	<b>Portfolio</b>
Dato' Onn Jaafar	Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri
H.S. Lee	<b>X</b>

Apakah X ?

- A Ahli Pelajaran
  - B Ahli Kesihatan
  - C Ahli Pengangkutan
  - D Ahli Kerajaan Tempatan
- 14 Pernyataan berikut berkaitan matlamat Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.

Memupuk integrasi dan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

Bagaimanakah matlamat tersebut dicapai ?

- A Membubarkan sekolah vernakular
  - B Menyeragamkan kandungan kurikulum
  - C Mengajar pendidikan sivik secara formal
  - D Menjadikan bahasa Inggeris bahasa penghantar
- 15 Petikan berikut merupakan sebahagian ucapan Tunku Abdul Rahman pada tahun 1955.

“Ini adalah hari yang amat penting dalam sejarah Majlis ini. Buat pertama kalinya Majlis ini bersidang sebagai sebuah majlis yang majoriti ahlinya dipilih.”

Majlis dalam petikan tersebut merujuk kepada

- A Majlis Raja-Raja Melayu
- B Majlis Eksekutif Persekutuan
- C Majlis Mesyuarat Perundangan
- D Majlis Perundangan Persekutuan

[Lihat halaman sebelah

- 16 Maklumat berikutan berkaitan kabinet yang ditubuhkan selepas Pilihan Raya Umum 1955.

Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955 dengan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman

Apakah peranan kabinet tersebut ?


- A Membincangkan isu pertahanan
- B Memartabatkan bahasa kebangsaan
- C Menggubal perlembagaan merdeka
- D Merangka dasar pendidikan kebangsaan

- 17 Apakah peranan tokoh berikut ?

- Lord Reid
- Sir William Mckell
- Sir William Ivor Jennings
- Hakim B. Malik
- Hakim Abdul Hamid

- A Menjalankan pilihan raya umum
- B Merangka perlembagaan merdeka
- C Menyeragamkan sistem pendidikan
- D Menstruktur semula sistem kehakiman

- 18 Rajah berikut berkaitan memorandum yang dikemukakan parti politik kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.



Apakah isu yang disuarakan dalam memorandum tersebut ?

- A Pilihan raya
- B Agama rasmi
- C Kewarganegaraan
- D Bahasa kebangsaan

[Lihat halaman sebelah

19 Apakah peranan jawatankuasa berikut ?

**Jawatankuasa Sambutan**

- A Membina stadium dan istana
- B Menganjurkan kursus protokol
- C Mereka bentuk bendera kebangsaan
- D Menyediakan anggaran perbelanjaan

20 Peristiwa berikut berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1950-an.

- Bendera *Union Jack* diturunkan
- Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan

Apakah kepentingan peristiwa tersebut ?

- A Mengiktiraf pembentukan kabinet pertama
- B Menandakan berakhirnya pentadbiran Britain
- C Memperakui kesahihan keputusan pilihan raya
- D Mengesahkan pelantikan Yang di-Pertuan Agong

21 Ciri-ciri negara berdaulat menjadikan Malaysia mempunyai identiti yang unik dan perlu dipertahankan.

Mengapakah rakyat perlu mempertahankan identiti tersebut?

- A Meningkatkan pendapatan
- B Penghormatan negara luar
- C Pematuhan undang-undang
- D Mewujudkan perkongsian kuasa

[Lihat halaman sebelah



- 22 Gambar berikut menunjukkan pertemuan antara Tun Hussein Onn dengan Anwar Sadat, Presiden Mesir pada tahun 1977.



Apakah matlamat pertemuan tersebut diadakan?

- A Mengukuhkan hubungan diplomatik
  - B Mendapatkan bantuan kewangan
  - C Membantu pemulihan ekonomi
  - D Mengerat perpaduan bangsa
- 23 Maklumat berikut berkaitan undang-undang yang diperkenalkan oleh British di Negeri-Negeri Selat.

- Charter of Justice I
- Charter of Justice II
- Charter of Justice III

Mengapakah undang-undang tersebut diperkenalkan?

- A Mengehendkan kuasa raja
  - B Menentang penyebaran agama
  - C Menghalang berlaku penindasan
  - D Mengurangkan peranan pembesar
- 24 Apakah ciri tradisional yang terkandung dalam perlembagaan persekutuan?
- A Demokrasi berparlimen
  - B Kerajaan persekutuan
  - C Pemerintahan beraja
  - D Pendidikan vernakular

[Lihat halaman sebelah

25 Undang-undang berikut diwujudkan selepas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

\* Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang  
\* Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan

Apakah kepentingan pengenalan undang-undang tersebut?

- A Meneruskan sistem raja berkuasa mutlak
- B Melaksanakan pemerintahan demokrasi
- C Mengamalkan Raja Berperlembagaan
- D Memulakan jawatan Yang di-Pertuan Agong

26 Manakah antara berikut kuasa Yang di-Pertuan Agong mengikut perlembagaan negara?

- I Pemerintah tertinggi tentera
- II Melantik diplomat ke luar negara
- III Ketua agama bagi semua negeri
- IV Menjatuhkan hukuman di mahkamah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27 Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran kerajaan.

- Hal ehwal luar negeri
- Pelajaran
- Pentadbiran keadilan

Kerajaan yang mempunyai bidang kuasa tersebut ialah Kerajaan

- A Sultan
- B Negeri
- C Tempatan
- D Persekutuan

[Lihat halaman sebelah

28 Perkara berikut berkaitan dengan kawalan keselamatan di negara kita.

Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang (RASCOM)

Mengapakah kawasan keselamatan tersebut diistiharkan ?

- A Rusuhan kaum
- B Serangan lanun
- C Ancaman komunis
- D Penularan penyakit

29 Persekutuan Malaysia dibentuk pada 16 September 1963.

Apakah kesan pembentukan persekutuan tersebut?

- I Tekanan antarabangsa berkurang
  - II Bahan mentah dikongsi bersama
  - III Kemerdekaan wilayah terlibat
  - IV Pengaruh British meningkat
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

30 Pembentukan Malaysia telah mendapat tentangan daripada Indonesi sehingga mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia.

Apakah tindakan Indonesia semasa peristiwa tersebut?

- A Menghentikan aktiviti kawalan
- B Menghantar bantahan rasmi
- C Menutup pintu sempadan
- D Melancarkan serangan gerila

31 Mengapakah Singapura dipisahkan daripada Persekutuan Malaysia pada tahun 1965?

- A Rusuhan kaum
- B Pemansuhan cukai
- C Ancaman komunis
- D Pembatalan perjanjian


[Lihat halaman sebelah

32 Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu berikut selepas pembentukan Malaysia?

- \* Peluang pekerjaan terhad
- \* Kadar pengangguran tinggi

- A Memperkenalkan industri berat
- B Mengawal kemasukan buruh asing
- C Memperkenalkan teknologi baharu
- D Menubuhkan pusat latihan vokasional

33 Tokoh berikut telah memberikan cadangan tambahan kepada Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 untuk memperkukuh semangat kekitaan dalam kalangan murid.



Apakah cadangan tersebut?

- I Mewajibkan pembelajaran Tatarakyat
  - II Mengutamakan pendidikan kerohanian
  - III Memperkenalkan sekolah aneka jurusan
  - IV Memberi penekanan kepada mata pelajaran Sejarah
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

34 Gambar berikut berkaitan logo temasya Sukan Malaysia (SUKMA).



Apakah tujuan sukan tersebut diadakan?

[Lihat halaman sebelah

- A Memperkasa integrasi nasional
- B Memajukan sektor pelancongan
- C Menyemai semangat sukarelawan
- D Mendapat pengiktirafan antarabangsa

35 Majlis Perundingan Negara (MAPEM) ditubuhkan pada Januari 1970.

Apakah kesan penubuhan majlis tersebut?

- A Mengkaji Dasar Kebudayaan Negara
- B Memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru
- C Merangka Dasar Pembangunan Nasional
- D Mengemaskini Dasar Pendidikan Kebangsaan


36 Agensi berikut ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

- \* Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)
- \* Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)

Apakah matlamat penubuhan agensi tersebut?

- A Memodenkan teknologi
- B Membangunkan wilayah
- C Memberikan pinjaman modal
- D Melaksanakan dasar penswastaan

37 Rajah berikut berkaitan dengan dasar luar negara.



Apakah X?

- A Memajukan teknologi
- B Memupuk hubungan baik
- C Melestarikan alam sekitar
- D Mengelakkan penindasan kaum

[Lihat halaman sebelah

38 Malaysia telah menentang Dasar Apartheid yang diamalkan di Afrika Selatan melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Komanwel.

Mengapakah Malaysia menentang dasar tersebut?

- A Mempertahan hak penduduk asal
- B Menghalang program senjata nuklear
- C Memiliknegarakan pelaburan asing
- D Menghapuskan sekatan perdagangan

39 Jadual berikut berkaitan dengan perjanjian perdagangan yang ditandatangani oleh Malaysia.

<b>Tahun</b>	1992
<b>Peristiwa</b>	Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) ditandatangani

Apakah tujuan perjanjian tersebut dimeterai?

- A Mengurangkan ancaman lanun
- B Mengurangkan cukai pelabuhan
- C Meningkatkan kerjasama ekonomi
- D Menghapuskan monopoli kuasa besar

40 Gambar berikut berkaitan NGO yang mewakili suara Malaysia dipentas dunia.



Apakah sumbangan NGO tersebut?

- A Menyalurkan pelbagai bantuan
- B Melaksanakan misi ketenteraan
- C Mengukuhkan hubungan diplomatik
- D Menubuhkan organisasi perdagangan

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**[Lihat halaman sebelah**